

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
MALAYSIAN INTERNATIONAL TUNA PORT
SENDIRIAN BERHAD (MITP SDN. BHD)

OLEH

ROZZAIRI SAHRIN BIN AB. RAHIM
SARJANA MUDA PENGURUSAN (MARITIM)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA
JABATAN PENGURUSAN MARITIM
FAKULTI PENGAJIAN MARITIM DAN SAINS MARIN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2006

1100053944

Perpustakaan
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

L15 FMSM I 2006



1100053944

Laporan akhir latihan industri di Malaysian International Tuna Port Sdn. Bhd. (MITP SDN. BHD.) / Rozzairi Sahrin Ab. Rahim



PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)
21030 KUALA TERENGGANU

1100053944

Lihat sebelah

HAK MILIK

PENGURUSAN SULTANAH NUR ZAHIRAH UMT

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
MALAYSIAN INTERNATIONAL TUNA PORT
SENDIRIAN BERHAD (MITP SDN.BHD.)**

Oleh

**ROZZAIRI SAHRIN BIN AB. RAHIM
SARJANA MUDA PENGURUSAN (MARITIM)**

**LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN
KEPADА**

**JABATAN PENGURUSAN MARITIM
FAKULTI PENGAJIAN MARITIM DAN SAINS
MARIN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI
MALAYSIA
(KUSTEM)**

2006

1100053944

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya **Rozzairi Sahrin Bin Ab. Rahim**, mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus **PGN 4799** adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan industri semata-mata. Fakulti Pengajian Maritim dan Sains Marin (FMSM), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan



Nama : Rozzairi Sahrin Bin Ab. Rahim

Tarikh : 20 NOV 2006

Disahkan Oleh:



Profesor Madya Doktor Saharuddin Abdul Hamid

Penyelia KUSTEM

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengajian Maritim dan Sains Marin

KUSTEM

ISI KANDUNGAN

<u>BIL</u>	<u>PERKARA</u>	<u>MUKA SURAT</u>
	PENGHARGAAN	i
	RINGKASAN EKSEKUTIF	iv

BAB SATU

1.0	PENGENALAN	1
1.1	LATAR BELAKANG SYARIKAT	5
1.2	LOGO SYARIKAT	7
1.3	LOKASI SYARIKAT	8
1.4	MAKLUMAT SYARIKAT	9
	1.4.1 PROFIL SYARIKAT	9
	1.4.2 CARTA ORGANISASI	12
1.5	KEKUATAN ORGANISASI	13
	1.5.1 PIHAK PENGURUSAN DAN KAKITANGAN	13
	1.5.2 PRINSIP SYARIKAT	14
	1.5.3 POLISI SYARIKAT	14
1.6	MOTO SYARIKAT	15
1.7	PERKHIDMATAN DAN FASILITI YANG DISEDIAKAN	15
1.8	FUNGSI DAN AKTIVITI BAHAGIAN	17
	1.8.1 BAHAGIAN PENGURUSAN	17
	1.8.2 BAHAGIAN KEWANGAN	18
	1.8.3 BAHAGIAN OPERASI	18
1.9	KEMAHIRAN YANG PELATIH INGIN PELAJARI	19

BAB DUA

2.0	PENGENALPASTIAN MASALAH DAN CADANGAN PENYELESAIAN	21
2.1	SISTEM PENERIMAAN BAYARAN	21
	2.1.1 PENGENALPASTIAN MASALAH	25
	2.1.2 PUNCA MASALAH	26
	2.1.3 KESAN MASALAH	26
	2.1.4 CADANGAN PENYELESAIAN	26
	2.1.5 IMPLIKASI CADANGAN PENYELESAIAN	27
2.2	SISTEM PENGESAHAN PENDAFTARAN AGEN	28
	2.2.1 PENGENALPASTIAN MASALAH	33
	2.2.2 PUNCA MASALAH	33
	2.2.3 KESAN MASALAH	34
	2.2.4 CADANGAN PENYELESAIAN	35
	2.2.5 IMPLIKASI CADANGAN PENYELESAIAN	36
2.3	SISTEM PENYERAHAN KUTIPAN CAJ HARIAN	37
	2.3.1 PENGENALPASTIAN MASALAH	40
	2.3.2 PUNCA MASALAH	41
	2.3.3 KESAN MASALAH	41
	2.3.4 CADANGAN PENYELESAIAN	42
	2.3.5 IMPLIKASI CADANGAN PENYELESAIAN	42

BAB TIGA

3.0	PENDAHULUAN	43
3.1	RUMUSAN DAN CADANGAN KESELURUHAN	44
3.2	CADANGAN LATIHAN INDUSTRI	45
	RUJUKAN	47
	LAMPIRAN	

PENGHARGAAN

Pertama sekali, pelatih ingin memanjatkan syukur kepada Yang Ilahi kerana dengan Limpah dan Kurnianya pelatih dapat menjalani Latihan Industri (LI) dengan jayanya dan mampu menyiapkan laporan Latihan Industri ini seperti yang telah diamanahkan. Pelatih turut ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada kedua ibu bapa dan juga keluarga pelatih yang banyak memberi dorongan dan bantuan kepada pelatih terutamanya dari segi kewangan semasa pelatih menjalani Latihan Industri sebelum.

Terlebih dahulu pelatih ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Profesor Madya Doktor Saharuddin selaku Penyelia Latihan Industri Kolej Universiti Teknologi Malaysia (KUSTEM) di atas segala bantuan, tunjuk ajar dan segala nasihat yang telah diberikan sebelum dan sepanjang tempoh pelatih menjalani Latihan Industri. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga di atas kesudian beliau memberikan tunjuk ajar dan garis panduan kepada pelatih dalam menyiapkan laporan ini. Segala kerjasama yang diberikan amatlah pelatih hargai.

Seterusnya pelatih juga ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak Malaysian International Tuna Port Sendirian Berhad kerana sudi mengambil pelatih untuk menjalani Latihan Industri di sana. Begitu juga kepada Encik Mohd. Annuar Zaini Binyamin, selaku Ketua Pengarah

Eksekutif syarikat di atas segala pengalaman dan ilmu serta nasihat yang telah diberikan.

Tidak ketinggalan juga kepada pihak-pihak yang terlibat sepanjang tempoh pelatih menjalani Latihan Industri terutama kepada penyelia (1) iaitu Encik Rozaidi dan penyelia (2) Encik Mohd. Yandoi Abdullah dan juga Encik Azhar. Mereka banyak membantu, memberi tunjuk ajar dan mendedahkan saya dengan pelbagai ilmu dan pengalaman yang belum pernah pelatih pelajari dan tempuhi sebelum ini.

Selain itu, penghargaan kepada semua kakitangan di ibu pejabat MITP Kuala Lumpur dan Pelabuhan Perikanan MITP Batu Maung, Pulau Pinang yang turut memberikan kerjasama yang tidak berbelah bahagi kepada pelatih sewaktu menjalani Latihan Industri. Kerjasama dan segala pertolongan yang telah diberikan telah memungkinkan pelatih untuk menjalani Latihan Industri dengan sebaik mungkin. Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih kepada mereka yang turut terlibat secara langsung dan tidak langsung semasa membantu pelatih menjalani Latihan Industri di syarikat MITP.

Selain itu, ucapan terima kasih juga kepada ahli-ahli jawatankuasa Latihan Industri KUSTEM kerana telah bertungkus lumus bekerja bagi melancarkan lagi proses Latihan Industri ini. Kesungguhan dan kesabaran mereka melayan karenah-karenah pelajar amatlah dihargai.

Akhir sekali, tidak lupa juga terima kasih pelatih kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberi sokongan moral serta bantuan secara langsung atau tidak langsung semasa pelatih menjalani Latihan Industri.

ROZZAIRI SAHRIN BIN AB. RAHIM

SARJANA MUDA PENGURUSAN MARITIM

KUSTEM

RINGKASAN EKSEKUTIF

Latihan Industri (LI) merupakan satu komponen kursus penting dalam program pengajian di Fakulti Pengajian Maritim dan Sains Marin (FMSM). Melalui Latihan Industri pelatih telah dapat mempelajari dengan lebih mendalam lagi mengenai teori dan pengajaran yang selama ini hanya dipelajari di dalam bilik kuliah sahaja. Melalui Latihan Industri, apa yang selama ini dipelajari di dalam bilik kuliah telah dapat pelatih lihat melalui realiti alam pekerjaan. Selain itu, Latihan Industri turut mendedahkan pelatih mengenai gambaran dan situasi sebenar alam pekerjaan. Pelatih telah didedahkan dengan pelbagai situasi di samping pendedahan dari segi aspek kemahiran asas mengenai profesionalisme pekerjaan di mana ianya berkaitan dengan program pengajian yang sedang diduduki oleh pelatih ketika ini di Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM). Sepanjang tiga bulan menjalani Latihan Industri, pelatih telah ditempatkan di Malaysian International Tuna Port Sendirian Berhad. Teras perniagaan syarikat ini adalah pengurusan dan operasi pelabuhan perikanan Tuna secara eksklusif selama dua belas (12) tahun di negeri Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Perlis. MITP Sdn. Bhd. telah ditubuhkan pada 12 April 2004 yang beribu pejabat di Plaza Sentral, Kuala Lumpur tetapi beroperasi sepenuhnya di Pelabuhan Perikanan MITP Batu Maung, Pulau Pinang. Sepanjang berada di syarikat MITP, pelatih telah ditempatkan di dua lokasi berbeza, iaitu di ibu pejabat MITP Kuala Lumpur dan juga di Pelabuhan Perikanan MITP Batu Maung, Pulau Pinang. Pelatih telah diberi peluang untuk mempelajari selok belok dunia perniagaan dalam industri maritim dan pasaran Tuna dunia khususnya. Pelatih turut berpeluang mempelajari sekurang-kurangnya tiga sistem kerja sepanjang berada di MITP. Tiga sistem kerja yang dimaksudkan ialah Sistem Penyerahan Kutipan Caj Harian, Sistem Pengesahan Pendaftaran Agen dan juga Sistem Penerimaan Bayaran. Pelatih telah melakukan beberapa analisis dan mendapati terdapat beberapa masalah sebenar di samping potensi masalah untuk wujud dalam sistem kerja terbabit. Justeru, melalui laporan ini pelatih turut menyenaraikan beberapa cadangan penyelesaian untuk masalah yang timbul. Namun ingin dijelaskan di sini, tidak semua masalah yang diutarakan merujuk kepada masalah yang sebenar, kerana ada antara masalah tersebut lahir daripada buah fikiran pelatih sendiri. Secara keseluruhannya, pelatih berharap agar laporan ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak membacanya kelak.